

**J. P.U. 3.**

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

[Akta 171]

UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 dan seksyen 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Bandaraya Johor Bahru membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-Undang Kecil yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Penjaja Majlis Bandaraya Johor Bahru (Pindaan) 2020**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Pindaan undang-undang kecil 2**

2. Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2010 [J.P.U. 6/2010] yang disebut sebagai “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini adalah dipinda dalam—

(a) dengan memasukkan sebelum takrif “Datuk Bandar” takrif baru yang berikut—

“barangan jualan” ertinya apa-apa barangan yang boleh dijual dan dibenarkan oleh pihak Majlis.

(b) dengan menggantikan takrif “gerai” dengan takrif baru yang berikut—

““gerai” termasuklah mana-mana gerai berkunci, meja, stor, bangku, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, petak-peraga dinding, kenderaan, perkakas lain, papan tunjuk dari apa-apa jua jenis atau apa-apa lain yang berkaitan dengannya sama ada mudah alih atau bukan mudah alih dan sama ada beroda atau tidak beroda, yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis yang dijual atau didedahkan untuk jualan di mana-mana tempat persendirian atau tempat awam.”

(c) dengan memotong tafsiran “gerai berkunci”;

(d) dengan menggantikan takrif “kenderaan” dengan takrif baru yang berikut—

““kenderaan” termasuklah apa-apa kereta yang digerakkan dengan jentera atau selainnya dan termasuk gadi, kereta sorong, kereta tolak, basikal, trisikal, motosikal, skuter, kereta, suatu van, lori, vessel bot atau rakit yang dipadankan atau digunakan bagi maksud menjaja atau apa-apa kenderaan lain yang diluluskan oleh pihak Majlis untuk digunakan bagi tujuan menjaja;”

- (e) dengan memasukkan sebelum takrif “tempat awam” takrif baru yang berikut–

““Struktur gerai” ertinya struktur yang didirikan untuk tujuan menjaja yang di atasnya atau di dalamnya barang-barang dijual atau dipamerkan untuk jualan di tapak menjaja.”

#### **Undang-undang kecil baru 5A**

3. Undang-undang kecil ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja undang-undang kecil 5, undang-undang baru yang berikut:

#### **“Ketidaklayakan**

5A. Tiada lesen boleh dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini kepada mana-mana orang yang–

- (a) bukan warganegara Malaysia; atau  
(b) berumur di bawah lapan belas tahun.”

#### **Pindaan undang-undang kecil 6(1)(2)**

4. Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 6 dengan undang-undang kecil yang berikut–

“(1) Tiada suatu gerai lain daripada gerai yang dibina oleh Datuk Bandar atau mana-mana badan kerajaan atau badan berkanun boleh melebihi 1.8 meter panjang dan 0.9 meter lebar melainkan dikecualikan oleh Datuk Bandar secara bertulis dan hendaklah beratap sebagaimana diluluskan oleh Datuk Bandar.

(2) Tiada suatu petak-peraga dinding boleh melebihi ukuran 3.6 meter kali 1.8 meter kali 0.3 meter.”

#### **Pindaan undang-undang kecil 12**

5. Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan memotong undang-undang kecil 12.

Bertarikh: 23 Jun 2020  
[MBJB/U/2019/28/UUK/4]  
[SUKJ.KT. 24/69/29 jld. 2(23); PPUUNJ. 600-1/7/25(2)]

DATO’ HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD  
*Datuk Bandar*  
*Majlis Bandaraya Johor Bahru*

Disahkan: 4 November 2020  
[Ringkasan Mesyuarat Bil. 1233/2020]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Johor*

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

[Act 171]

HAWKERS

## JOHOR BAHRU CITY COUNCIL BY-LAWS (AMENDMENT) 2020

IN exercise of the powers conferred by the section 102 and section 102A of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Johor Bahru City Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms the following by-laws:

**Citation and commencement**

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Hawkers Johor Bahru City Council By-Laws (Amendment) 2020** and shall apply only to the area of the Johor Bahru City Council.

(2) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

**Amendment of by-law 2**

2. The Hawkets (Johor Bahru City Council) By-Laws 2010 [J.P.U. 6/2010] which is referred to as the “principal By-Laws” in these By-Laws is amended—

(a) by inserting before the definition “Mayor” the following new definition—

“sales items” means any goods that may be sold and authorized by the Council;”;

(b) by substituting for the definition of “stall” with the following new definitions—

“stall” includes any lock up stall, table, store, stool, bench, basket, chair, kandar stick, wall show-case, vehicle, other tools show board of whatever nature or any other appurtenances whether portable or non-portable and whether on wheels or not on wheels, whereon or wherein food, beverage or goods of any kind are sold or exposed for sale in any private or public place;

(c) by deleting the interpretation of “lock-up stalls”;

(d) by substituting for the definition of “vehicle” with the following new definition—

“vehicle” includes any vehicle mechanically driven or otherwise and includes a cart, push cart, bicycle, tricycle, motorcycle, scooter, car, a van, lorry, cart, vessel, boat or raft adopted or used for the purpose of hawking and other vehicle approved by the Council to be used for the purpose of hawking;

and

(e) by inserting before the definition of “public place” the following new definition—



““structure of the stall” means a structure erected for the purpose of hawking on which goods are sold or displayed for sale at a hawking site.”

#### **New by-law 5A**

3. The principal By-Laws is amended by inserting after by-law 5, the following new by-law 5A–

#### **“Disqualification**

5A. No license shall be issued under these By-Laws to any person who is–

- (a) a non-citizen of Malaysia; or
- (b) Under the age of eighteen years old.”

#### **Substitution of by-law 6**

4. The principal By-Laws is amended by substituting by-law 6 with the following by-laws–

“(1) No stall other than stall constructed by the Mayor or any government body or statutory body shall exceed 1.8 metres in length and 0.9 metres in width unless exempted by the Mayor in writing and shall have such covering as approved by the Mayor.

(2) No wall showcases shall exceed 3.6 metres by 1.8 metres by 0.3 metres.”

#### **Deleting of by-law 12**

5. The principal By-Laws is amended by deleting by-law 12.

Dated: 23 June 2020

[MBJB/U/2019/28/UUK/4]

[SUKJ.KT. 24/69/29 jld. 2(23); PPUUNJ. 600-1/7/25(2)]

DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD

*Datuk Bandar*

*Majlis Bandaraya Johor Bahru*

Confirmed: 4 November 2020

[Ringkasan Mesyuarat Bil. 1233/2020]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF

*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Johor*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2021  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA  
www.printnasion.com.my, email.pnmbjb@printnasion.com.my